

Bil. S 13

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA PERKHIDMATAN BOMBA)
(PINDAAN), 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Perkhidmatan Bomba) (Pindaan), 2000.

Pindaan bab 7 dari Penggal 82. 2. Bab 7 dari Akta Perkhidmatan Bomba, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda —

(a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan ", melawan, mencegah dan mengawal" sejurus selepas "memadamkan";

(b) dengan memotong perenggan (c) dan menggantikannya dengan perenggan-perenggan baru yang berikut —

"(c) mencegah kebakaran;

(d) menyiasat tentang sebab, punca dan keadaan kebakaran;

(e) melaksanakan perkhidmatan kemanusiaan, termasuk melindungi nyawa dan harta dalam sebarang bencana;

(f) memberi nasihat mengenai langkah-langkah perlindungan kebakaran dan bahaya kebakaran;

(g) menjalankan tugas-tugas lain yang mungkin dibebankan ke atas mereka."

Pindaan bab 8. 3. Bab 8 dari Akta tersebut adalah dipinda dalam perenggan (c), dengan memasukkan "atau untuk mencegah kebakaran daripada merebak" sejurus selepas "api" dalam baris terakhir.

Pemasukan bab-bab 8A, 8B dan 8C baru. 4. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan tiga bab baru yang berikut sejurus selepas bab 8 —

"Kecemasan yang tidak melibatkan kebakaran.

8A. Pada waktu kecemasan yang tidak melibatkan kebakaran atau bahaya kebakaran, kuasa-kuasa yang disebutkan dalam bab-bab 7 dan 8 hendaklah dijalankan oleh mana-mana anggota jika dia berpendapat bahawa nyawa atau harta berada di ambang bahaya.

Kuasa untuk menyiasat.

8B. (1) Pengarah dan mana-mana anggota yang diberi kuasa olehnya secara bertulis hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat berlakunya sebarang kesalahan di bawah Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh Pengarah atau anggota yang diberi kuasa itu untuk memberi maklumat atau mengemukakan sebarang dokumen atau benda lain berkenaan dengan berlakunya sebarang kesalahan tersebut yang orang itu berkuasa untuk memberinya hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk memberi maklumat tersebut atau untuk mengemukakan dokumen atau benda lain itu.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menjejaskan sebarang kuasa mana-mana pegawai polis.

Kuasa untuk menangkap dan memeriksa.

8C. (1) Pengarah, mana-mana anggota yang diberi kuasa olehnya secara bertulis, dan mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang yang disyakinnya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya —

(a) jika nama dan alamat orang itu tidak diketahui olehnya;

(b) jika orang itu enggan memberi nama dan alamatnya;

(c) jika terdapat sebarang alasan untuk meragui ketepatan nama dan alamat, jika diberikan; atau

(d) jika pada pendapatnya dia mungkin melarikan diri.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah bab ini boleh ditahan sehingga nama dan alamatnya telah dipastikan dengan betul.

tujuan-tujuan Akta ini, termasuk penetapan bayaran, dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh membuat peruntukan yang berlainan berhubung dengan jenis-jenis kes yang berlainan yang dikenakan peraturan-peraturan tersebut, dan boleh termasuk peruntukan-peruntukan yang bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri."

Penggantian
bab 19.

11. Bab 19 dari Akta tersebut adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Pindaan, dll.
Jadual.

19. Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam sebarang Jadual boleh dipinda, dibatalkan atau digantikan dengan peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan."

Pindaan
bab 20.

12. Bab 20 dari Akta tersebut adalah dipinda —

(a) dengan memotong "\$1,200 dan penjara selama 6 bulan" dari dua baris terakhir cerai (1) dan menggantikannya dengan "tidak melebihi dari \$6,000, penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali";

(b) dengan menambah dua cerai baru yang berikut —

"(4) Tiada pendakwaan kerana sebarang kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya.

(5) Pendakwaan kerana kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau sebarang peraturan tersebut boleh dijalankan oleh seorang anggota yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pendakwa Raya."

Pemasukan
bab 21 baru.

13. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 20 —

"Pengenalan
Akta dan
peraturan-
peraturan
kepada kapal,
dll.

21. Peruntukan-peruntukan Akta ini dikenakan, ter-takluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian se-bagaimana yang mungkin ditetapkan, kepada —

(a) kapal yang terus bertambat atau di atas tanah kering, selama tempoh atau dalam hal keadaan sebagaimana yang mungkin ditetapkan;

(b) khemah dan struktur boleh alih yang lain;

(c) kapal atau bot yang terapung atau belayar di dalam Negara Brunei Darussalam;

(d) sebarang bangunan yang didirikan di sepanjang sungai".

14. Akta tersebut adalah dipinda dengan menambah Jadual baru yang berikut —

Tambahan
Jadual
Keempat.

**"JADUAL KEEMPAT
(bab 17A)**

BAYARAN

- | | | |
|----|--|--------------------------------------|
| A. | Semasa mendaftarkan pelan-pelan yang dihadapkan. | \$5.00 setiap satu |
| B. | Semasa memproses dan mem-benarkan pelan baru, yang di-hadapkan semula, diubah atau dipinda: | |
| | Pelan rumah kediaman persendirian (banglo, rumah teres, rumah berasingan dan berkembar dua) | \$15.00 seunit |
| | Pelan seni bina, mekanikal, elektrik dan mencegah kebakaran (komersil, kilang, flat, hotel, pejabat dan lain-lain) | \$50.00 setiap tingkat satu bangunan |
| C. | Penelitian, pengujian dan pemeriksaan peralatan mencegah kebakaran, setiap kali: | |
| | Pemercik automatik | \$150.00 satu sistem |

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Wet riser	\$100.00 satu sistem
Dry riser	\$150.00 satu sistem
Kili hos bomba	\$50.00 satu sistem
Sistem pengesanan auto-matik	\$100.00 satu sistem
Manual break-glass callpoint	\$50.00 satu sistem
Pemadam api boleh alih (tidak termasuk isian semula)	\$1.00 setiap satu
Sistem pemasangan tetap (CO2, FM200, Inergen dan lain-lain)	\$100.00 satu sistem
Sistem limpahan asap	\$100.00 satu sistem
Lif ahli bomba	\$50.00 setiap satu
Pili bomba	\$15.00 setiap satu
Sistem perhubungan interkom ahli bomba di dalam sesebuah bangunan	\$50.00 satu sistem
Pelembab api	\$10.00 setiap satu
Pintu bomba	\$1.00 setiap satu
Penjana pengganti	\$25.00 satu sistem
Lampu kecemasan dan tanda keluar	\$50.00 setiap tingkat satu bangunan
Tangga bertekanan	\$50.00 satu sistem
Sistem pempaipan LPG (Liquefied Petroleum Gas) dan/atau Pengklorinan	\$50.00 satu sistem

Eskalator	\$50.00 satu sistem
Penutup kebakaran	\$50.00 satu sistem."

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 27 haribulan Januari, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM